

# UIMAP

Perkara I

## PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



**Perjawatan**

Perbendaharaan dengan perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan sebanyak 249 jawatan kosong kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi tahun 2008. Daripada sejumlah 249 jawatan tersebut, 136 jawatan adalah dalam kategori perjawatan akademik dan 113 jawatan adalah dalam kategori perjawatan bukan akademik.


Sehingga 31 Disember 2008, bilangan keseluruhan jawatan yang telah diluluskan kepada UniMAP adalah sebanyak 962 dan jumlah jawatan yang telah diisi adalah sebanyak 911, iaitu 94.7%. Jumlah tersebut adalah meliputi 3 jawatan pengurusan tertinggi, 440 jawatan akademik ( 21 Profesor, 35 Profesor Madya, 47 Pensyarah Kanan, 233 Pensyarah, 91 Pegawai Latihan Vokasional, 10 Guru Bahasa dan 3 Tutor ) dan 468 jawatan bukan akademik ( 120 Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 348 Kumpulan Sokongan).

Pada tahun 2008 juga, terdapat 19 orang staf akademik telah dinaikkan pangkat, iaitu 4 orang dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Gred Khas C VK7, 12 orang dinaikkan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS52 dan 3 orang dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred J44. Selain itu, 16 orang staf bukan akademik juga telah dinaikkan pangkat, iaitu seorang dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52, 6 orang dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N44, 2 orang dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Kewangan Gred W44, 2 orang dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44, seorang dinaikkan pangkat ke jawatan Juruaudit Gred W44, seorang dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22, seorang dinaikkan pangkat ke jawatan Juruteknik Gred J22, seorang dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22 manakala seorang dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP14.


**Perjawatan Universiti Malaysia Perlis Tahun 2008**

| Kumpulan Perkhidmatan                               | Bilangan   |
|---|------------|
| KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI                       | 3          |
| <b>KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL Akademik</b> |            |
| - Profesor  | 21         |
| - Profesor Madya                                    | 35         |
| - Pensyarah Kanan                                   | 47         |
| - Pensyarah   | 233        |
| - Pegawai Latihan Vokasional                        | 91         |
| - Guru Bahasa                                       | 10         |
| - Tutor   | 3          |
| Bukan Akademik                                      | 120        |
| KUMPULAN SOKONGAN                                   | 348        |
| <b>JUMLAH</b>                                       | <b>911</b> |

**Jumlah Staf 2008**




**Staf Akademik 2008**



Sehingga 31 Disember 2008 juga, bilangan keseluruhan staf bukan warganegara adalah seramai 49 orang yang terdiri daripada 46 staf akademik bertaraf kontrak (9 Profesor, 12 Profesor Madya, 14 Pensyarah Kanan dan 11 Pensyarah), 2 orang staf akademik bertaraf kunjungan manakala seorang berjawatan Pegawai Perubatan.

Taburan staf bukan warganegara tersebut mengikut negara masing – masing adalah 18 dari Indonesia, 11 dari India, 4 dari Myanmar, 3 dari Bangladesh, 7 dari Iraq dan masing-masing satu dari British, Republik Kyrgyz, Australia, Thailand, Jepun dan Pakistan.



### Pentadbiran

#### Lembaga Pengarah Universiti

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti telah diadakan sebanyak enam kali sepanjang tahun 2008 yang lalu iaitu pada 08/01/2008, 15/04/2008, 28/05/2008, 04/09/2008, 07/11/2008 dan 18/12/2008. Tahun 2008 juga menyaksikan jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah bertukar tangan daripada Y. Bhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim kepada Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj. Zainul Ariff bin Hj. Hussain pada tanggal 1 Julai 2008 bagi tempoh satu tahun sehingga 30 Jun 2009.

Y. Bhg. Dato' Dr. Norraesah binti Hj. Mohamad dan Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd Sofi bin Osman yang tamat tempoh perkhidmatan pada 14 Januari 2008 telah disambungkan perkhidmatan mereka bagi tempoh dua tahun iaitu bermula 15 Januari 2008 hingga 14 Januari 2010.

Bagi memantapkan lagi peranan Lembaga Pengarah Universiti, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi telah membuat beberapa lantikan baru ke jawatan Ahli Lembaga Pengarah Universiti. Antaranya beliau telah melantik Yang Berhormat Tuan Abdul Rasid bin Sudin bagi tempoh dua tahun bermula 1 Mei 2008 hingga 30 April 2010. Y. Bhg. Dr. Siti Aishah binti Baharum dilantik bagi menggantikan Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hassan bin Said bagi tempoh dua tahun bermula 9 Jun 2008 hingga 8 Jun 2010. Y. Bhg. En. Khalid bin Mohamed turut dilantik bagi tempoh dua tahun bermula 1 Julai 2008 hingga 30 Jun 2010. Manakala lantikan

terakhir ialah Y. Bhg. Dato' Ahmad Shukri bin Tajuddin pada 1 Oktober 2008 hingga 30 September 2010, juga untuk tempoh dua tahun.

## Pengisytiharan Harta

Sehingga 31 Disember 2008, seramai 785 orang kakitangan yang terdiri dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi Universiti, Kumpulan Pengurusan & Profesional serta Kumpulan Sokongan telah mengisytiharkan harta masing-masing. Daripada jumlah tersebut seramai 472 telah diluluskan dan seramai 313 orang masih di peringkat proses mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Tatatertib Universiti.

## Majlis Bersama Jabatan

Penubuhan Majlis Bersama Jabatan di peringkat universiti adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1992 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2002. Sepanjang tahun 2008, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan telah diadakan sebanyak tiga kali iaitu pada 17/07/2008, 13/10/2008 dan 15/12/2008. Pindaan Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan UniMAP turut diterima dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

## Perkhidmatan

### Kursus Induksi

Pada tahun 2008, Unit Perkhidmatan telah mengadakan Kursus Induksi Umum dan Khusus kepada semua staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Sokongan I dan II. Kursus ini telah diadakan sebanyak tiga sesi seperti berikut :

1. Kursus Induksi Umum dan Khusus bagi Kumpulan Sokongan II telah diadakan pada 14 hingga 25 April 2008 bertempat di Dewan Kuliah Pusat Kejuruteraan, Kuala Perlis. Kursus ini melibatkan seramai 80 orang staf yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan.
2. Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Sokongan I kursus telah diadakan dalam dua sesi di mana sesi pertama diadakan pada 12 hingga 27 Mei 2008 yang melibatkan seramai 102 orang staf manakala sesi kedua diadakan pada 24 November sehingga 5 Disember 2008. Jumlah staf yang terlibat adalah seramai 98 orang. Kedua-dua kursus ini telah diadakan di Dewan Kuliah Pusat Kejuruteraan, Kuala Perlis.

Objektif utama kursus ini ialah memberi pendedahan yang sama kepada semua pegawai awam tentang Dasar-dasar Umum Negara, Dasar-dasar Awam dan lain-lain dasar kerajaan, memahami tentang Latar Belakang Masyarakat, Sistem Pentadbiran, Prosedur-prosedur Utama, Arahan-arahan dan Pekeliling-pekeliiling serta Panduan-panduan Kerajaan. Kursus ini juga membolehkan staf memahami aspek-aspek pengurusan organisasi dan pengurusan personel serta memupuk nilai dan etika positif di kalangan pegawai di dalam Perkhidmatan Awam.



Kursus Hiasan Landskap - IKBN



Kursus Car Maintenance - IKBN

### Peperiksaan Perkhidmatan

Peperiksaan perkhidmatan merupakan satu kaedah bagi mengukur pencapaian seseorang calon melalui penilaian terhadap bakat, kemahiran, pengetahuan dan kefahaman tentang sesuatu perkara. Selain itu, peperiksaan ini juga merupakan sebahagian syarat pengesahan dalam perkhidmatan. Pada tahun 2008, Unit Perkhidmatan telah mengadakan peperiksaan ini sebanyak dua kali iaitu pada 12 dan 13 Jun 2008. Peperiksaan ini melibatkan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Sokongan I dan Sokongan II yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan (berdasarkan skim perkhidmatan yang berkenaan sahaja). Seramai 61 orang calon yang terdiri daripada kumpulan sokongan dan 18 orang calon dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Sokongan I telah menduduki peperiksaan berkenaan. Bagi peperiksaan kedua pula diadakan pada 18 dan 19 Disember 2008. Bagi sesi kedua ini jumlah calon yang menduduki peperiksaan ini adalah lebih kecil berbanding sesi pertama di mana bagi Kumpulan Sokongan hanya 29 orang calon sahaja berbanding Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Sokongan I iaitu seramai 39 orang calon. Peperiksaan ini telah diadakan serentak selama dua hari.

### Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) adalah merupakan salah satu elemen teras di bawah Sistem Saran Malaysia (SSM). PTK diperkenalkan pada tahun 2002 bagi memupuk pembangunan diri, meningkatkan budaya organisasi pembelajaran dan memastikan pelaksanaan pengurusan sumber manusia yang berasaskan kompetensi.

Perancangan PTK di UniMAP pada tahun 2008 melibatkan pelaksanaan peperiksaan dan kursus PTK secara dalaman dan luaran. Seperti amalan setiap tahun, penyemakan semula sukatan-sukatan dan penggubalan soalan-soalan baru dibuat bagi semua skim perkhidmatan yang terlibat mengikut kumpulan gred yang terdapat di UniMAP.

Sistem IUS Staf Modul PTK yang dibangunkan bersama pihak Pusat ICT pada tahun 2007 telah dapat dijalankan secara sepenuhnya di mana ia memberi kemudahan kepada calon-calon peperiksaan dan kursus untuk memohon PTK secara atas talian atau 'on-line' dan juga menyediakan kemudahan kepada pihak pentadbiran untuk melihat laporan-laporan yang berkaitan dengan PTK.

Kursus PTK yang pertama diadakan adalah kursus TK3 Akademik pada 12-21 Mei 2008 dan telah dihadiri oleh seramai 15 orang Pensyarah Universiti gred DS45. Kursus ini telah dijalankan di Bilik Seminar Kechor 1 dan penceramah-penceramah yang dilantik adalah di kalangan pensyarah UniMAP dan juga dari universiti serta agensi luar iaitu INTAN manakala panel penilaian kursus terdiri daripada kalangan Profesor Madya dari UniMAP.

Kursus TK3 Akademik yang kedua telah diadakan pada 24 November hingga 1 Disember 2008 dan telah dihadiri oleh seramai 30 orang pensyarah gred DS45 bertempat di Bilik Seminar Kechor 1. Pada masa yang sama, Kursus TK5 bagi pensyarah gred DS52/53 juga telah diadakan selari dengan kursus tersebut di Bilik Seminar Kechor 5. Penceramah-penceramah yang dilantik bagi kursus tersebut adalah di kalangan pensyarah bertaraf Profesor dari UniMAP dan juga dari universiti lain manakala panel penilaian kursus juga terdiri daripada kalangan Profesor dari UniMAP.

Selain itu, terdapat beberapa kursus akademik dan bukan akademik yang tidak dapat dijalankan secara dalaman oleh kerana bilangan calon yang kecil dan pihak universiti telah



Kursus TK3 Akademik  
[Pensyarah Universiti Gred DS45],  
12-21 Mei 2008,  
Bilik Seminar Kechor 1, UniMAP.

menumpangkan calon-calon untuk menduduki kursus PTK di Institusi Pengajian Tinggi yang menawarkan kursus-kursus tersebut seperti di Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Peperiksaan PTK telah dijalankan sebanyak dua kali bagi tahun 2008 di mana kali pertama telah diadakan pada 27 dan 28 Mei 2008 dan kali kedua pada 3 dan 4 Disember 2008. Kedua-dua peperiksaan telah diadakan di DKG 4 dan 5 Kampus Kubang Gajah. Peperiksaan PTK melibatkan pelbagai skim perkhidmatan termasuk perkhidmatan teknikal, akademik, bukan akademik bagi semua kumpulan perkhidmatan. Bagi kumpulan sokongan gred 1-16, peperiksaan hanya dijalankan bagi kali pertama manakala untuk kali kedua hanya ujian lisan dan pemerhatian digunakan bagi menggantikan kaedah peperiksaan.

## Latihan

### • Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA)

UniMAP telah melantik seramai 81 orang fellow untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik ke beberapa buah universiti di dalam dan luar negara mengikut bidang pengajian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih Calon Pengajian Lanjutan berdasarkan perancangan akademik yang telah ditetapkan. Fellow-fellow tersebut dibiaya oleh Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) tajaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Data fellow yang terlibat bagi tahun 2008 adalah seperti halaman 35.

### • Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik (SPLKA)

Seramai 24 orang staf akademik yang terdiri dari Pegawai Latihan Vokasional dan Pensyarah telah diluluskan untuk cuti belajar di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik ke beberapa buah universiti di dalam dan luar negara mengikut bidang pengajian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih Calon Pengajian Lanjutan. Pengajian mereka dibiaya oleh UniMAP dan KPT. Data staf yang terlibat bagi tahun 2008 adalah seperti halaman 35.

### • Bengkel dan Ujian IELTS

Unit Latihan Jabatan Pendaftar turut mengadakan Bengkel dan Ujian IELTS sebanyak dua kali di sepanjang tahun 2008 iaitu pada 20 - 22 Jun 2008 & 28 - 30 November 2008 (Bengkel) dan 28 Jun 2008 & 15 Disember 2008 (Ujian) di Bilik Kuliah Dragon 2, Jejawi. Tujuan Bengkel dan Ujian IELTS diadakan adalah untuk memudahkan staf-staf dan fellow mendapatkan kelulusan IELTS yang menjadi syarat biasiswa SLAB dan SLAI. Bengkel ini dikendalikan oleh penceramah dari IDP Education Australia dan turut dihadiri oleh pensyarah-pensyarah dari IPTA berdekatan.



Peperiksaan PTK  
27-28 Mei 2008, DKG 4 & 5  
Kampus Kubang Gajah

## Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA)

| Bil. | Tahun<br>Pusat Pengajian        | 2008         |             |              |             | Jumlah |
|------|---------------------------------|--------------|-------------|--------------|-------------|--------|
|      |                                 | Sarjana      |             | PhD          |             |        |
|      |                                 | Dalam Negara | Luar Negara | Dalam Negara | Luar Negara |        |
| 1.   | PPK Komputer & Perhubungan      | 4            | 4           | 2            | 2           | 15     |
| 2.   | PPK Bahan                       | 5            | 5           | 3            | -           | 3      |
| 3.   | PPK Mikroelektronik             | -            | 2           | -            | 5           | 9      |
| 4.   | PPK Pembuatan                   | 6            | 1           | -            | -           | 9      |
| 5.   | PPK Sistem Elektrik             | 8            | 3           | -            | 1           | 6      |
| 6.   | PPK Mekatronik                  | 6            | 2           | 3            | 3           | 16     |
| 7.   | PPK Bioproses                   | 4            | -           | 1            | 1           | 3      |
| 8.   | PPK Alam Sekitar                | 1            | -           | 2            | 2           | 7      |
| 9.   | Institut Matematik Kejuruteraan | 5            | -           | -            | -           | 4      |
|      | <b>Jumlah</b>                   | 39           | 17          | 11           | 14          | 72     |
|      | <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>       | 49           |             | 25           |             |        |

## Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik (SPLKA)

| Bil. | Tahun<br>Pusat Pengajian        | 2008         |             |              |             | Jumlah |
|------|---------------------------------|--------------|-------------|--------------|-------------|--------|
|      |                                 | Sarjana      |             | PhD          |             |        |
|      |                                 | Dalam Negara | Luar Negara | Dalam Negara | Luar Negara |        |
| 1.   | PPK Komputer & Perhubungan      | -            | 1           | 2            | 3           | 6      |
| 2.   | PPK Bahan                       | -            | -           | -            | 3           | 3      |
| 3.   | PPK Mikroelektronik             | 1            | -           | 1            | -           | 2      |
| 4.   | PPK Pembuatan                   | 1            | -           | 1            | 1           | 3      |
| 5.   | PPK Sistem Elektrik             | -            | -           | 1            | 1           | 2      |
| 6.   | PPK Mekatronik                  | -            | -           | 2            | -           | 2      |
| 7.   | PPK Bioproses                   | -            | -           | -            | 3           | 3      |
| 8.   | PPK Alam Sekitar                | -            | -           | -            | 1           | 1      |
| 9.   | Institut Matematik Kejuruteraan | -            | -           | 1            | 1           | 2      |
|      | <b>Jumlah</b>                   | 2            | 1           | 8            | 13          | 24     |
|      | <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>       | 3            |             | 21           |             |        |


 Kursus Team Building  
Pegawai Tadbir


Taklimat Kewangan

Senarai Kursus Tahun 2008

| Bil | Program/Aktiviti  | Tarikh                | Objektif Kursus  |
|-----|---|-----------------------|--|
| 1.  | Kursus Manual Prosedur Kerja & Fail Meja                                    | 22 - 24 Februari 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf dalam menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.</li> <li>» membolehkan peserta membuat persediaan menyediakan Prosedur Kerja dan Fail Meja serta berupaya membimbing staf dalam menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.</li> </ul>  |
| 2.  | Kursus Kecemerlangan Kerja Pengawal Keselamatan (Siri 3)                    | 2-3 & 7-10 April 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» memberi pendedahan kepada peserta mengenai skop tugas.</li> <li>» meningkatkan kualiti kerja melalui pendedahan kepada aspek adab, etika dan tatacara kerja yang berkualiti.</li> <li>» mempamerkan sikap positif terhadap kakitangan UniMAP serta orang awam.</li> <li>» mempertingkatkan tahap kesedaran sikap pengawal keselamatan.</li> </ul>   |
| 3.  | Kursus Pengurusan Fail dan Rekod  | 12 - 13 Julai 2008    | <ul style="list-style-type: none"> <li>» mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran pelaksanaan sistem pengurusan fail dan rekod yang berkesan.</li> <li>» memahami dan memahirkan pengendalian, penyimpanan, pengasingan dan pemusnahan dokumen dengan sistematik.</li> </ul>   |
| 4.  | Workshop Multimedia Presentation Using Adobe Photoshop and Macromedia Flash | 28 Jun – 1 Julai 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» peserta-peserta didedahkan dengan kemahiran asas untuk membina, melakar, mengilustrasi dan menghasilkan pelbagai imej-imej vector, kesan animasi dan fitur-fitur yang interaktif.</li> <li>» memberi pendedahan asas penggunaan Adobe Photoshop.</li> <li>» membuat imej yang sesuai untuk pelbagai fungsi seperti poster dan tapak web.</li> </ul>   |
| 5.  | Kursus Pembangunan Laman Web  | 18 - 20 Julai 2008    | <ul style="list-style-type: none"> <li>» merancang satu pendekatan untuk membangunkan web yang lebih praktikal untuk jabatan.</li> <li>» mengenal pasti elemen-elemen multimedia untuk dimuatkan di dalam pembangunan laman web.</li> <li>» membuat capaian hyperlink ke tapak web yang lain.</li> <li>» memahami cara-cara untuk memuat naik atau 'uploading' fail yang telah siap untuk diterbitkan.</li> </ul>  |
| 6.  | Kursus Lasak "Team Building" Pegawai & Penolong Pegawai Tadbir UniMAP       | 1 - 3 Ogos 2008       | <ul style="list-style-type: none"> <li>» memberi kesedaran bahawa potensi diri menjadi sumber kejayaan dan kecemerlangan organisasi.</li> <li>» melahirkan individu yang tinggi semangat juang, bersedia menghadapi sebarang halangan, berjiwa besar, sentiasa berazam untuk mencapai kejayaan.</li> <li>» menanamkan sikap bekerjasama, saling bantu-membantu di kalangan kakitangan.</li> <li>» memahami konsep kerja berpasukan dan dinamik "Team Building".</li> </ul> |



Seminar Mengatasi Halangan Komunikasi



Kursus Sistem Perakaunan Kerajaan



## Senarai Kursus Tahun 2008

| Bil | Program/Aktiviti                                      | Tarikh                | Objektif Kursus   |
|-----|---|-----------------------|---|
| 7.  | Kursus Pengurusan dan Pengendalian Stor               | 26 - 27 Ogos 2008     | <ul style="list-style-type: none"> <li>» meningkatkan kefahaman mengenai kaedah, sistem dan amalan pengendalian stor yang berkesan.</li> <li>» meningkatkan kemahiran mengurus stor dengan sempurna dengan membuat perancangan yang lebih teliti dalam pengurusan stor.</li> <li>» dapat mengamalkan nilai-nilai penjimatan kos dan peningkatan keuntungan melalui usaha-usaha mengurangkan pembaziran dan kawalan dengan lebih sistematik, cekap dan berkesan.</li> </ul>  |
| 8.  | Kursus Pengurusan Mesyuarat dan Minit Mesyuarat       | 13 - 14 Oktober 2008  | <ul style="list-style-type: none"> <li>» menambahkan pengetahuan dan kefahaman baru mengenai konsep pengurusan mesyuarat yang berkualiti.</li> <li>» meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkenaan dengan kemahiran menulis minit mesyuarat dengan berpandukan tujuan, objektif, agenda, laras bahasa dan format terkini.</li> <li>» meningkatkan kemahiran dalam menguruskan mesyuarat dengan berkesan.</li> <li>» mengendalikan mesyuarat dengan mengikut prosedur dan bahasa yang betul.</li> </ul> |
| 9.  | Kursus Sistem Perakaunan Kerajaan                     | 17 Oktober 2008       | <ul style="list-style-type: none"> <li>» meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang pengurusan akaun dan kepentingannya serta pengurusan kewangan yang berkualiti.</li> <li>» meningkatkan kemahiran peserta menangani tatacara perakaunan secara hands-on.</li> <li>» membolehkan peserta menangani serta mengurangkan masalah-masalah pemahaman yang sering dibangkitkan.</li> </ul>  |
| 10. | Taklimat Kewangan UniMAP                              | 7 November 2008       | <ul style="list-style-type: none"> <li>» memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada para peserta berkenaan dengan pengurusan akaun di jabatan.</li> <li>» menerangkan dengan lebih terperinci berkenaan dengan soal pembelian barangan dan pembayaran kepada pembekal dengan lebih sistematik.</li> <li>» mengenal pasti punca-punca kelewatan pembayaran kepada pembekal.</li> </ul>  |
| 11. | Kursus Perkhidmatan Kaunter dan Komunikasi Berkualiti | 15 - 16 November 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» memahami definisi, konsep dan matlamat perkhidmatan kaunter.</li> <li>» mengenal pasti keperluan pelanggan masa kini dan komunikasi secara berkesan dengan pelanggan.</li> <li>» mempelajari bagaimana mengendalikan rungutan pelanggan.</li> <li>» membantu mencapai kepuasan dan mesra pelanggan.</li> </ul>   |
| 12. | Kursus Hiasan Lanskap dan Binaan Simenfero (outdoor)  | 21 - 23 November 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» menjelaskan kepentingan lanskap yang sebenarnya dan kesempatan yang boleh diambil peserta.</li> <li>» menjelaskan bentuk ornamen buatan manusia.</li> <li>» meningkatkan pengetahuan dan kemahiran lanskap yang lebih berkonsep.</li> </ul>  |
| 13. | Kursus Jurubina Bangunan dan Kemasan Lantai           | 21 - 23 November 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» meningkatkan tahap kefahaman dan kemahiran mengenai teknik-teknik yang betul dalam kemasan lantai dan bangunan.</li> <li>» mendedahkan kepada peserta kerja-kerja amali dan penggunaan peralatan dengan betul.</li> </ul>  |



Kursus Perkhidmatan Kaunter Berkualiti



Kursus Pengurusan Mesyuarat &amp; Minit Mesyuarat

Senarai Kursus Tahun 2008

| Bil | Program/Aktiviti   | Tarikh                | Objektif Kursus   |
|-----|--|-----------------------|---|
| 14. | Kursus "Car Maintenance"   | 21 - 23 November 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» meningkatkan tahap kefahaman mengenai kenderaan ringan merangkumi operasi, fungsi, struktur, pemeriksaan dan kerosakan.</li> <li>» meningkatkan pengetahuan kemahiran dalam mengenalpasti jenis-jenis senggaraan yang dilakukan pada kenderaan ringan.</li> <li>» mendedahkan kepada peserta kerja-kerja amali dan pengetahuan keselamatan.</li> <li>» menunjukkan teknik-teknik penggunaan peralatan dengan betul.</li> </ul> |
| 15. | Kursus Penyemburan Cat dan Polish Kenderaan (Kenderaan Bermotor)                 | 21 - 23 November 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» mendedahkan bidang kemahiran yang baru kepada para peserta.</li> <li>» memberi peluang kepada para peserta mengetahui kemahiran menyembur kenderaan dan cat kenderaan.</li> <li>» membantu peserta mempelajari teknik menyembur dan mengecat serta polish kenderaan dengan betul.</li> </ul>   |
| 16. | Kursus Melukis Pelan   | 28 - 30 November 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» memberi pengetahuan tambahan kepada para peserta yang mempunyai pengetahuan melukis pelan.</li> <li>» membantu menjana idea melukis pelan yang lebih moden dan menarik.</li> </ul>   |
| 17. | Kursus "Marine Piping" (Fitting)   | 20 - 30 November 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang kimpalan dan pemotongan.</li> <li>» mendedahkan kepada peserta kerja-kerja amali dan langkah-langkah keselamatan.</li> <li>» menunjukkan kepada para peserta kaedah pemasangan, pelarasan dan pemeriksaan peralatan.</li> </ul>   |
| 18. | Kursus Hiasan Lanskap dan Binaan Simenfero (Indoor)                              | 20 - 30 November 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» memberi peluang kepada kakitangan UniMAP mendalami ilmu menghias taman (lanskap dalaman).</li> <li>» menjelaskan kepentingan lanskap luar yang sebenarnya dan kesempatan yang boleh diambil oleh peserta mempelajari kemahiran dalam bidang lanskap.</li> <li>» menjelaskan prinsip-prinsip lanskap yang sebenarnya.</li> <li>» meningkatkan pengetahuan dan kemahiran lanskap yang lebih sistematik dan menarik.</li> </ul>   |
| 19. | Kursus Mekanikal Kenderaan Perdagangan   | 20 - 30 November 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang mekanikal kenderaan perdagangan.</li> <li>» mendedahkan kepada para peserta kerja-kerja amali dan penggunaan peralatan serta teknik yang betul.</li> </ul>  |
| 20. | Seminar "Bagaimana Mengatasi Halangan Komunikasi Antara Staf dan Pegawai Atasan" | 1 Disember 2008       | <ul style="list-style-type: none"> <li>» memberi pendedahan kepada staf dalam mengatasi konflik komunikasi antara staf dan pegawai atasan.</li> <li>» Memberi tips dan maklumat berkesan dalam hal komunikasi staf di pejabat.</li> </ul>   |



Kursus Pengurusan & Pengendalian Stor



Kursus Pengurusan Fail & Rekod

## Senarai Kursus Tahun 2008

| Bil | Program/Aktiviti  | Tarikh                | Objektif Kursus  |
|-----|---|-----------------------|--|
| 1.  | Kursus Pengurusan Risiko Makmal dan Bengkel, HIRARC       | 22 - 24 Februari 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» dapat mengenali faktor risiko di tempat kerja.</li> <li>» mengenal pasti cara postur badan yang betul ketika bekerja.</li> <li>» mengetahui cara penyelesaian masalah ketika bekerja.</li> <li>» mengenali cara untuk kendalikan tugas ikut kumpulan mengikut prinsip ergonomics.</li> </ul>  |
| 2.  | Kursus Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja          | 9 - 11 Jun 2008       | <ul style="list-style-type: none"> <li>» memahami aspek perundangan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di makmal dan bengkel.</li> <li>» mendedahkan kepada peserta untuk mengenal-pasti bahaya yang berkaitan, menilai risiko dan mengambil langkah-langkah pengawasan serta menjalankan penilaian risiko di tempat kerja.</li> <li>» mengurus dan merancang aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di makmal/bengkel dengan berkesan.</li> <li>» membantu meningkatkan kesedaran kepada para peserta tentang pentingnya mempraktikkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan.</li> </ul> |
| 3.  | Seminar Cabaran Wanita Masa Kini                          | 22 - 24 Ogos 2008     | <ul style="list-style-type: none"> <li>» mendedahkan kepada peserta tentang cabaran-cabaran yang dihadapi wanita pada masa kini.</li> <li>» membincangkan halangan-halangan yang perlu dihadapi wanita masa kini dalam menangani pelbagai permasalahan yang wujud.</li> </ul>  |
| 4.  | Kursus Pensijilan Pertolongan Cemas Lanjutan              | 3 - 7 September 2008  | <ul style="list-style-type: none"> <li>» memberi pendedahan dan melatih para peserta tentang pertolongan cemas dengan lebih lanjut.</li> <li>» melahirkan lebih ramai sukarelawan PBSMM yang layak menjadi jurulatih dan mengajar tentang ilmu pertolongan cemas dan sukarelawan.</li> <li>» memberi peluang kepada para peserta untuk bergiat aktif di dalam aktiviti persatuan.</li> <li>» memupuk semangat kerjasama di antara ahli-ahli Cabang PBSMM UniMAP.</li> <li>» menjalinkan kerjasama di antara Cabang PBSMM - UniMAP dengan PBSMM Cawangan Perlis dan PBSMM IPK.</li> </ul>                                       |
| 5.  | Kursus Pengurusan Bencana                                 | 12 - 15 November 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» memberi pendedahan kepada staf tentang peraturan dan garis panduan Majlis Keselamatan Negara mengenai bencana.</li> <li>» memberi latihan pengendalian semasa bencana.</li> <li>» melayakkan peserta menjadi jurulatih PBSMM yang bertaualiah.</li> <li>» sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada staf yang berkhidmat dalam PBSMM Cabang UniMAP dan PBK UniMAP.</li> <li>» menjalinkan kerjasama yang erat di antara PBSMM Cabang UniMAP dengan PBSMM Cawangan Perlis dan PBSMM IPK.</li> </ul>   |
| 6.  | Kursus Pencegahan dan Pengawasan Kebakaran 2008 Siri ke 3 | 24 - 26 November 2008 | <ul style="list-style-type: none"> <li>» memberi pendedahan awal kepada peserta mengenai perkara berkaitan api dan kebakaran.</li> <li>» melatih kaedah mencegah dan mengawal kebakaran yang berlaku khususnya di tempat kerja.</li> <li>» melatih menggunakan alat pengawalan api.</li> <li>» memberi kesedaran tentang bahaya dan risiko kebakaran serta memupuk semangat kerjasama di kalangan ahli.</li> </ul>   |



Kursus Pembangunan Laman Web



Kursus Kecermelangan Kerja Pengawal Keselamatan

Senarai Kursus Tahun 2008

| Bil | Program/Aktiviti  | Tarikh     | Objektif Kursus  |
|-----|---|------------|--|
| 2   | Kursus Penggunaan ICT dan Multimedia di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran | 5 Mei 2008 | <p>Di dalam kursus ini, peserta akan didedahkan kepada perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>» definisi teknologi dan teknologi pengajaran</li> <li>» sumbangan teknologi pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran</li> <li>» penggunaan media dalam pengajaran</li> <li>» konsep asas dan definisi media/multimedia dan ICT</li> <li>» e-learning dan faedahnya</li> </ul> <p>Selepas mengikuti kursus ini, para peserta diharap dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>» mengenal pasti teknologi dan multimedia yang sesuai digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran</li> <li>» menghasilkan satu persembahan yang menggunakan teknologi multimedia</li> <li>» mengaplikasikan e-learning dalam pengajaran dan pembelajaran</li> </ul> |



Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Universiti



Kursus Multimedia Presentation



Kursus Manual Prosedur Kerja